

## Reaksi menteri/timbalan menteri



**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Muhyiddin Yassin**  
"Ia cabaran besar bagi saya selepas kejayaan yang dicatat menteri terdahulu (Datuk Seri Rafidah Aziz) dan saya akan berusaha sedaya mungkin untuk meletakkan Malaysia di persada perdagangan antarabangsa dan arena industri."



**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Noh Omar**  
"Saya sentiasa mengikuti perkembangan kementerian berkenaan sepanjang diterajui bekas menternya, Datuk Mohd Khalid Nordin sebelum ini.  
Beliau sudah menyediakan landasan yang kukuh dan pelantikan saya sebagai menteri baru akan menyambung segala dasar dan perancangan yang sudah disediakan."



**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim**  
"Pelantikan ini mengubat kesedihan kerana tidak dicalonkan dalam pilihan raya umum lalu. Namun, saya berpendapat cabaran kali ini lebih hebat kerana bakal berdepan dengan lebih ramai wakil rakyat. Tetapi, insya-Allah saya akan menunaikan kepercayaan yang diberi dengan penuh dedikasi."



**Menteri Kerja Raya, Datuk Mohd Zin Mohamed**  
"Saya gembira dan berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan penuh kepada saya untuk menjadi menteri penuh.  
"Lebih penting saya perlu berkerja lebih kuat dan gigih untuk membantu Datuk Seri Abdullah (Ahmad Badawi) meneruskan pembangunan negara, pada masa depan."



**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed**  
"Ini adalah kementerian keenam yang saya pegang selepas Kementerian Kewangan, Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi."

# Angin perubahan

Tokoh korporat, peguam terkemuka sertai Kabinet

>>Oleh Kamarulzaman Pid, Efendi Badarudin dan Hayati Ibrahim

am@hmetro.com.my


**P**UTRAJAYA: Bagi membawa perubahan dalam barisan Kabinetnya, peguam terkemuka, tokoh perbankan dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib antara lima muka baru dibawa masuk ke dalam pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang diumumkankannya semalam.

Muhammad yang juga Ketua Penerangan Umno dilantik sebagai Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Pelantikannya mengejutkan selepas nama beliau tiada dalam senarai calon Barisan Nasional (BN) yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum ke-12, baru-baru ini.

Empat lagi muka baru yang dilantik sebagai menteri ialah peguam terkemuka, Datuk Mohd Zaid Ibrahim dan tokoh perbankan, Datuk Amirsham A Aziz sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Setiausaha Agung MCA, Datuk Ong Ka Chuan (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan); serta Datuk Ismail Sabri Yaakob (Menteri Belia dan Sukan).

Mohd Zaid dan Amirsham mengangkat sumpah sebagai



UMUM...Abdullah menunjukkan senarai nama anggota Kabinet baru yang diumumkan, semalam.

Ahli Dewan Negara di Parlimen, semalam.

Mohd Zaid yang juga bekas Ahli Parlimen Kota Bharu, ketika ditemui selepas majlis mengangkat sumpah itu, berkata beliau bersyukur kerana diberi peluang oleh Perdana Menteri bagi menjalankan tugas dalam bidang perundangan.

Katanya, beliau akan memberi tumpuan terhadap badan kehakiman negara kerana rakyat mahu mengetahui hal ehwal kehakiman, termasuk pemilihan dan pelantikan seseorang hakim di negara ini.

Mohd Zaid yang juga Timbalan Pengerusi Badan Per-

hubungan Umno Kelantan, berkata apa yang perlu dilihat dalam badan kehakiman ialah memerlukan ruang kajian yang teliti sebelum melaksanakan sesuatu.

"Keputusan dibuat dalam perundangan mempunyai skop yang luas dan saya berjanji akan menjalankan tanggungjawab sebagai menteri serta memikulnya dengan baik.

"Prinsip yang kita terima ketika merdeka dan kedaulatan undang-undang akan saya pertahankan demi kepentingan semua kaum," katanya.

Amirsham yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Maybank pula mengatakan beliau terkejut apabila namanya diumumkan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Menurutnya, beliau akan menggunakan pengalamannya dalam bidang korporat bagi melaksanakan tugas sebagai menteri kerana ditugaskan menjaga Unit Perancang Ekonomi (EPU).

"Ini cabaran kepada saya dan ini juga pertama kali saya memasuki bidang politik," katanya.

Katanya, beliau akan berbincang dengan beberapa menteri lebih senior untuk bertanyakan pendapat mengenai langkah yang perlu diambil sebelum melakukan sebarang tindakan.

Bagi Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ismail Sabri, 48, beliau menghargai kepercayaan Perdana Menteri yang melantiknya mengisi jawatan penting itu.

"Saya akan memberikan tumpuan bagi mengimbangi pembangunan belia dan sukan selaras dengan usaha melahirkan modal insan sebagai aset kepada pembangunan negara.

"Belia adalah aset yang menentukan hala tuju masa depan negara. Insyallah saya akan laksanakan amanah dan tanggungjawab ini sebaik mungkin," katanya yang juga Ahli Parlimen Bera, Pahang. Sebagai orang baru, Ismail berkata, beliau akan mendapat taklimat terlebih dahulu daripada bekas Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said sebelum membuat sebarang perancangan mengenai masa depan sukan dan belia negara.

Lebih penting, beliau berharap semua pihak memberikan kerjasama bagi melaksanakan sebarang program dirancang kerana tidak mampu melaksanakannya secara bersendirian.

Datuk Dr Mashitah Ibrahim yang turut mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara kerana dilantik sebagai Timbalan Menteri di JPM, berkata beliau terkejut kerana tidak ada angin dan petanda sebelum namanya diumumkan Perdana Menteri.

Katanya, persidangan Dewan Rakyat kali ini juga dijangka memberi cabaran kepadanya kerana kebanyakan ahli Dewan terdiri mereka yang mempunyai nama besar dalam arena politik.

"Saya tidak sabar untuk berdebat dengan mereka dan pengalaman lalu akan digunakan ketika berada dalam Dewan," katanya yang juga bekas Ahli Parlimen Baling dan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, Ketua Pergerekan Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad yang dilantik Timbalan Menteri Sumber Manusia mengakui tidak menyangka dipilih dan hanya mengetahui mengenai apabila dimaklumkan menerusi telefon.

Menurutnya, beliau tidak sempat mengikuti pengumuman itu di televisyen kerana membuat laporan polis berkaitan kejadian pecah kereta ketika membeli-belah di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur.

"Saya melihat pelantikan itu sebagai satu kepercayaan daripada Perdana Menteri kepada saya sebagai orang baru yang dicalonkan dalam pilihan raya dan muka baru dalam melaksanakannya sebaik mungkin," katanya.

Bekas Menteri Wilayah iaitu Datuk Shahrir Abdul Samad membuat penampian kembali apabila dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.